



MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan pentadbiran secara **KONTRAK**.

A. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Bil	Jawatan	Kekosongan
1.	Pegawai Undang-Undang, Gred L41	1

SYARAT-SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. PEGAWAI UNDANG-UNDANG, GRED L41 (1 KEKOSONGAN)

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
L41	2,418.00	9,607.00	225.00

- (i) (a) Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
atau
- (b) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*);
dan
- (ii) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERMOHONAN

A. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut: <https://erecruit.ia.unimas.my>

B. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **01 Disember 2023 – 14 Disember 2023**

KETERANGAN AM

A. Makluman Ujian Tapisan Memasuki Perkhidmatan dan/atau Temuduga

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (disenarai pendek) **tetapi** perlu memuatnaik **semua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- 1) Kad Pengenalan;
- 2) Sijil Kelahiran;
- 3) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip;
 - i. PMR/SRP/setaraf;
 - ii. SPM/setaraf;
 - iii. STPM/Setaraf;
 - iv. Diploma;
 - v. Ijazah Sarjana Muda;
 - vi. Ijazah Sarjana; dan
 - vii. PhD (Doktor Falsafah).
- 4) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.
- 5) Resume.

Kegagalan untuk memuatnaik sijil-sijil akademik/sijil berkaitan seperti pada para A.1) hingga A.5) di atas dianggap tidak melengkapkan permohonan. Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.

B. Makluman Lain

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut **tidak berjaya**.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, hubungi kami di talian 082-58 1139/ 1100/ 2337 atau emel ke hcms@unimas.my